

31/05/2003

Budaya berniaga belum sehati dalam masyarakat Melayu

Hairuddin Abdullah

USAHA untuk mendapatkan pekerjaan setimpal dengan kelayakan siswazah selama ini semakin mencabar, lebih-lebih lagi dengan kedudukan ekonomi dunia yang tidak menentu.

Namun, mereka tidak seharusnya berputus asa kerana banyak ruang yang boleh diteroka jika siswazah sedia berkorban dan berusaha lebih gigih.

Contohnya ruang yang disediakan dalam Pakej Strategi Baru yang diumumkan

oleh Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, minggu lalu.

Ia adalah ruang yang boleh digunakan kepada siswazah untuk mula menceburkan diri dengan dunia keusahawanan. Usaha kerajaan memberi galakan

kepada siswazah Bumiputera untuk menjadi usahawan adalah bertepatan dengan

dasar untuk melahirkan lebih ramai usahawan Bumiputera.

Dalam hal ini, ibu bapa adalah pihak yang paling kuat untuk memberi keyakinan, rangsangan dan kepercayaan kepada anak mereka untuk membabitkan

diri dengan dunia keusahawanan.

Saya melihat ramai ibu bapa Bumiputera tidak yakin bahawa anak mereka boleh menjadi seorang usahawan berjaya. Ada yang lebih suka melihat anak mereka kerja makan gaji kerana dianggap lebih menjamin masa depan.

Budaya perniagaan masih belum kukuh dalam institusi rumah tangga masyarakat Melayu. Namun, kebelakangan ini dilihat ramai anak muda yang telah membabitkan diri dalam dunia perniagaan.

Ibu bapa perlu menggalak, menyokong dan memberi rangsangan supaya anak mereka terbabit dalam dunia keusahawanan dan mengambil kursus kemahiran.

Datuk Salleh Majid dalam tulisannya di akhbar ini setiap Rabu, banyak memberi pandangan berguna yang boleh dijadikan panduan kepada Bumiputera untuk bergiat dalam bidang keusahawanan.

Bidang itu jika tidak menghasilkan produk, ia boleh memberi perkhidmatan

dan pelbagai lagi.

Beliau juga mencadangkan supaya siswazah terbabit dalam bidang pertanian

kerana ia mempunyai potensi.

Begitu juga dengan bidang baru seperti bioteknologi yang mampu memberi pulangan baik kepada siswazah.

Namun seperti kita sedia maklum, siswazah tidak mempunyai pengalaman dan

kewangan kukuh bagi memulakan perniagaan masing-masing.

Oleh itu, pihak bank atau institusi kewangan serta agensi berkaitan perlu mempermudah urusan pinjaman kepada golongan seperti ini.

Saya percaya jika diberi peluang, mereka mampu menunjukkan kebolehan masing-masing dan menjadi usahawan berjaya.

HAIRUDDIN ABDULLAH,

Kepala Batas, Pulau Pinang.